

PKR gunakan platform YouTube untuk tarik undi wanita
Malaysian Insider
April 11, 2013
Oleh Syed Jaymal Zahiid

PETALING JAYA, 11 April — PKR menggunakan laman perkongsian video YouTube bagi menarik lebih banyak undi kumpulan pengundi wanita melalui pelancaran kempen video mereka hari ini menjelang Pilihan Raya 2013 pada 5 Mei nanti.

Video berkenaan adalah siri daripada beberapa kompilasi video klip yang menyentuh isu kos sara hidup yang dihasilkan Pakatan Rakyat (PR) sebagai senahagian daripada kadah kempen mereka melalui media sosial bagi pilihan raya kali ini.

“Wanita adalah tiang kepada pembangunan negara. Setiap perkembangan bermula di rumah ... dan sebagai wanita berkerjaya, saya turut memegang tanggungjawab di pejabat. Semuanya sangat berat.

“Sama seperti semua wanita di Malaysia. Suri rumah mempunyai pelbagai tugas yang mencabar ... namun, kos sara hidup meningkat. Pendapatan jadi tidak mencukupi. Keganasan terhadap wanita juga meningkat,” kata Presiden PKR Datuk Seri Wan Azizah Ismail ketika melancarkan video berkenaan.

Video itu turut memaparkan seorang ibu tunggal Melayu tinggal di flat di tengah bandaraya menjaga dua anaknya. Dan dia juga menjaga anak perempuannya yang sedang membesarkan anak lelaki yang masih bersekolah dengan menjual kuih.

Antara setiap babak, turut dipaparkan beberapa kapsyen yang menunjukkan si ibu memegang tangan menunjukkan rasa kasih sayang dan mesej simbolik kepada segalanya, termasuk pendidikan yang bermula di rumah.

DI hujung video itu kemudiannya tertera kapsyen: “undilah untuk perubahan, undilah untuk masa depan yang lebih baik.”

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-gunakan-platform-youtube-untuk-tarik-undi-wanita/>